



هَذَا يَوْمٌ كَثِيرٌ مِّنْ فَضْلِهِ
Hari Kebajikan
Negeri Kelantan
Negeri Berkeadilan, Membangun Bersama Islam



**UCAPTAMA PERSIDANGAN MAYA ANTARABANGSA INISIATIF
KEBAJIKAN SOSIAL
SEMPENA PROGRAM HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN
YB DATO' HJH MUMTAZ MD. NAWI
EXCO KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA**

KELANTAN PENERAJU NEGERI BERKEBAJIKAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

فَلَا أَقْنَحَمَ الْعَقَبَةَ ⑪ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ ⑫ فَكُ رِقَبَةً ⑬
أَوْ إِطْعَمٌ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْغَبَةٍ ⑭ يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ ⑮ أَوْ مَسْكِينًا ذَا مَتْرَبَةٍ ⑯
ثُمَّ كَانَ مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ وَتَوَاصَوْا بِالْمَرْحَمَةِ ⑰

Mafhumnya: Tetapi dia tiada menempuh jalan yang mendaki lagi sukar (11) Tahukah kamu apakah jalan yang mendaki lagi sukar itu? (12) (yaitu) melepaskan budak dari perbudakan (13) atau memberi makan pada hari kelaparan (14) (kepada) anak yatim yang ada hubungan kerabat (15) atau kepada orang miskin yang sangat fakir (16) Dan dia (tidak pula) termasuk orang-orang yang beriman dan saling berpesan untuk bersabar dan saling berpesan untuk berkasih sayang (17)

(Surah Al-Balad: 11-17)

Assalamu'alaikum w.b.t

<< ADDRESSING >>

MUKADDIMAH

IMAN ADALAH TERAS KEBAJIKAN BERDASARKAN PRINSIP ASAS KAEDAH KEBAJIKAN DIPERINCIKAN DALAM AL-QURAN

Islam adalah agama kesatuan antara ibadah dan mu'amalah, antara akidah dan perbuatan, material dan spiritual, nilai-nilai ekonomi dan nilai-nilai moral, dunia dan akhirat, bumi dan langit. Syed Qutb menyebut berkenaan konsep Islam adalah lebih luas mencakupi kesatuan ruh dan jasad, kesatuan spiritual dan material, kesatuan antara individu dan jemaah, dan kesatuan masalah antara pelbagai bangsa. Setiap dari kita perlu berfikiran kreatif dalam meluaskan makna berkebijakan. Kebajikan yang berteraskan Al-quran dan diaplikasikan melalui sunnah Nabi saw, sirah para Nabi a.s dan amalan para sahabat.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa berusaha melangkah ke hadapan dalam membawa agenda Negeri Berkebijakan, Membangun Bersama Islam. Agenda kebajikan bukanlah bersifat sosial, ekonomi dan politik tetapi ianya bersifat menjaga kemaslahatan manusia dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi. Dalam usaha ke arah mencapai matlamat tersebut, pencapaian kebajikan sosial sesebuah kerajaan dalam tadbir urusnya, negeri dan negara dapat dibangun dan dimajukan sehingga ke mercu kejayaan.

Pelaksanaan konsep kebajikan dalam Membangun Bersama Islam adalah berteraskan al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber utama dan Perlembagaan Persekutuan serta semua akta dan dasar-dasar berkaitan. Pelaksanaan konsep ini telah berjaya melahirkan model Kelantan Negeri Berkebijakan di mana semua pemberian yang diagihkan oleh kerajaan

adalah berteraskan maqasid syariah dan membentuk kerjasama yang erat antara kerajaan, NGO dan anggota masyarakat.

Semua program kebajikan yang dilaksanakan oleh kerajaan Kelantan sejak tahun 1990 adalah selaras dengan Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Negeri Kelantan 2015. Dasar ini menekankan kepada prinsip kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat yang merupakan matlamat akhir dalam kehidupan individu Muslim.

Peri pentingnya konsep berkebajikan ini diterapkan dalam amalan dan tindakan kerajaan, maka Kelantan telah menggubal sebuah dasar berkebajikan. Dasar ini secara digagaskan sendiri oleh YABhg Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (mantan Menteri Besar Kelantan dari tahun 1990-2013) pada Januari 2014 dalam Seminar Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat dengan penglibatan ulama, pakar, Pemegang Taruh dan agensi dari seluruh negara.

Dasar Berkebajikan ini adalah antara contoh tindakan yang membuktikan kesinambungan pentadbiran Membangun Bersama Islam yang diteruskan oleh pengganti Tok Guru iaitu YAB Dato Bentara Kanan Dato' Ahmad bin Yaakub iaitu dengan melancarkan program Merakyatkan Dasar Membangun Bersama Islam, manifestasi ini membolehkan dasar ini dihadap, diterima pakai dan dicontohi oleh semua pihak di tempat dan posisi mereka mengikut kesesuaian.

Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan merupakan dasar pertama di peringkat kebangsaan, mahupun di peringkat antarabangsa yang melihat kebajikan dari kaca mata holistik. Malah, Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan

yang dilancarkan pada tahun 2015 oleh YAB Dato Bentara Kanan Ustaz Dato Ahmad bin Yaakub, Menteri Besar Kerajaan Negeri Kelantan yang merupakan dasar yang mendepani masanya apabila inti patinya selari dengan Matlamat Pembangunan Mapan 2030 yang diisytiharkan oleh PBB pada tahun 2016.

MAQASID SYARIAH DAN AMALAN BAIK DALAM BERKEBAJIKAN

Menyedari hakikat ini maka konsep yang diaplikasikan di Kelantan merujuk kepada Maqasid Syariah bukan hanya bersandarkan kepada syiar dan *facade* semata-mata yang biasanya menjadi kayu ukur lazimnya. Maqasid syariah terbahagi kepada tiga iaitu *dharuriyyat*, *hajjiyyat* dan *tahsiniyyat*. Ketiga-tiga aspek pembahagian ini penting kerana ianya mempengaruhi bagaimana kerajaan Kelantan melaksanakan agenda berkebaajikan untuk rakyat negeri Kelantan.

Dharuriyyat ialah keperluan asasi yang paling penting kepada setiap manusia yang bertujuan untuk menghindarkan kemudaratan dan jika keperluan ini tidak dipenuhi, kehidupan manusia akan terancam. *Dharuriyyat* dibahagikan kepada lima, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Contoh pemeliharaan agama ialah menjaga akidah dan melaksanakan semua perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya manakala contoh pemeliharaan diri ialah menyelamatkan diri dari kebinasaan manakala pemeliharaan keturunan ialah pensyariatkan kahwin kepada yang mampu dan hukuman hudud ke atas pesalah zina.

Hajiyyat merujuk kepada keperluan yang dapat menghindarkan kesulitan dalam kehidupan manusia tetapi tidak mengancam kehidupan manusia. Contohnya, kenderaan sebagai pengangkutan dan memiliki rumah sendiri.

Tahsiniyyat ialah keperluan yang hanya memberikan keselesaan dan tanpanya manusia masih boleh meneruskan kehidupan seperti memiliki barang kemas dan perabut dalam rumahtangga.

Perkara-perkara yang berada di bawah *dharuriyyat* seperti bekalan air, dan bantuan beras kepada golongan sasaran untuk semua rakyat Kelantan termasuk bukan Islam. Begitu juga item *hajiyyat* seperti rumah rakyat miskin *dhu'afa* dan skim kifaalah khairat kematian warga emas, bantuan perkahwinan Az-Ziwaj untuk pasangan berpendapatan bawah RM1500 dan Tabung Usahawan menjadi keutamaan dalam perancangan pembangunan kerajaan negeri.

SEMUA AMALAN KEBAJIKAN MESTILAH MEMATUHI PRINSIP AMAR MAKRUF NAHI MUNKAR

Ini adalah kerana konsep matlamat politik Islam yang sebenar adalah menegakkan agama dan mengurus tadbir hal ehwal dunia dengannya. Pemerintah adalah pentadbir “ahlu ra’yi” yang ditugaskan melakukan kebajikan dalam memenuhi dan melaksanakan arahan daripada Allah s.w.t.

Polisi berkebijakan yang diamalkan ini meliputi soal kehidupan individu, kekeluargaan, kejiwaan, hatta berkerajaan termasuk dengan musuh dan bukan Islam. Keseluruhan konsep kebajikan dan hasanah itu

direalisasikan dan diterjemahkan ke dalam kehidupan melalui amalan harian dan dikuatkuasakan melalui undang-undang melalui gabenor yang dilantik dan dihantar oleh Baginda saw ke seluruh dunia.

Praktis ini diteruskan oleh kerajaan dan empayar Islam yang mewarisi pentadbiran Baginda saw iaitu oleh Khulafa' Ar-Rasyidin, Khilafah Umayyah, Abbasiah dan Uthmaniyyah. Aura kebajikan dan kerahmatan Islam dirasai dan dapat lagi dihidu harumnya hingga kini sekalipun kebanyakan empayar itu sudah menjadi tinta sejarah. Di mana ada Islam, maka di situ akan ada sifat berkebakikan. Itulah fitrah seorang manusia beriman yang diciptakan oleh Allah s.w.t. Baik di peringkat umur kanak-kanak sehinggalah ke peringkat umur tua.

عن أبي موسى الأشعري - رضي الله عنه على كل مسلم صدقة. قال: يعمل بيديه فينفع نفسه ويتصدق. قال: أرأيت إن لم يستطع؟ قال: يعين ذا الحاجة الملهوف قال: أرأيت إن لم يستطع، قال: يأمر بالمعروف أو الخير قال: أرأيت إن لم يفعل؟ قال: يُمسك عن الشر، فإنها صدقة - متفق عليه

Dari Abu Musa Al-Asy'ari -radiyallahu 'anhu- "Setiap muslim itu berkewajiban untuk bersedekah." "Bagaimana jika ia tidak punya apa-apa?" Beliau menjawab, "Hendaklah ia bekerja dengan kedua tangannya, lalu mengambil manfaat untuk dirinya, dan bersedekah" Ia bertanya, "Bagaimana jika ia tidak mampu?" Beliau menjawab, "Hendaklah ia membantu orang yang memiliki kebutuhan dan tidak mampu." Ia bertanya, "Bagaimana jika ia juga tidak mampu?" Beliau menjawab, "Hendaklah ia menyuruh kepada yang ma'ruf atau kebajikan." Ia bertanya, "Bagaimana jika ia tidak melakukannya?" Beliau menjawab, "Hendaklah ia menahan diri dari kejahatan, kerana itu adalah sedekah."

Jika kita telusuri sejarah kebajikan ini, hakikatnya ia telah wujud semenjak manusia pertama pimpinan kita Nabi Adam a.s lagi, di mana kisah Qabil dan Habil dirakam al Quran, amalan pengorbanan yang menyentuh kehidupan ekonomi penternakan dan pertanian tapi yang memiliki nilai ibadah. Amalan ini berlaku di setiap zaman, pada semua orang dan di semua lokasi sehinggalah ke hari Kiamat. Namun, kemuncak kepada kesempurnaan kebajikan adalah ketinggian akhlak yang telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabatnya.

Inisiatif dan insentif yang diambil oleh Kerajaan Kelantan sebagai contohnya bilamana berlaku pandemik Covid 19 dengan pengecualian kutipan sewa premis-premis milik Kerajaan atau GLC ketika Perintah Kawalan Pergerakan PKP oleh kerajaan Negeri Kelantan dan pengisytiharan moratorium oleh Kerajaan Persekutuan kepada semua rakyat Malaysia yang mempunyai pinjaman-pinjaman selama 6 bulan bertujuan memberikan meringankan beban rakyat semasa keadaan wabak yang mencemaskan.

Usul untuk penggubalan undang-undang mengenai pemberian bantuan hutang bagi rakyat yang miskin memiliki rumah agar dapat meringankan beban dan meratakan manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat merupakan kerja berkebajikan yang boleh dilakukan oleh ahli Parlimen. Konsep kebajikan terbina di atas makna 'hubb' yakni kasih sayang.

Sabda Nabi saw : "Sayangilah penghuni bumi ini, pasti Penguasa langit akan menyayangimu". Di sini Allah memberikan contoh paling baik tentang kasih sayang yang manusiawi dan murni yang menembus segala batas, hatta batas agama sekalipun.

KEBAJIKAN UNTUK SEMUA

يَا رَسُولَ اللَّهِ دُنِّي عَلَيَّ عَمَلًا نَنْفَعُ بِهِ قَالَ: اِعْزِلْ الْأَذَى عَنِ طَرِيقِ الْمُسْلِمِينَ

“Wahai Rasulullah, tunjukkanlah kepadaku suatu amalan yang dapat bermanfaat bagiku.” Beliau menjawab, “Singkirkanlah gangguan dari jalan-jalan kaum muslimin.” (H.r. Muslim, 13:49; Ibnu Majah, 11:78).

Rasulullah SAW bersabda “Seseorang lelaki menemui ranting yang berdiri di tengah jalan (yang dilaluinya), lalu ia berkata (kepada dirinya sendiri), “Demi Allah, aku benar-benar akan menjauhkan (membuang) duri ini agar tidak mengganggu orang-orang muslim”, kerana itu dia dimasukkan ke syurga. (Riwayat Muslim)

Ayat di atas menggambarkan falsafah dan konsep kebajikan dalam Islam yang berpaksikan aqidah dan ibadah dengan merujuk kepada rukun Iman dan rukun Islam, yang menggambarkan hubungan dengan Allah swt-hablun minallah dan di susuli dengan syariat dan akhlak dalam berbuat baik kepada pelbagai golongan manusia, termasuklah kaum keluarga, anak yatim, orang miskin, orang yang bermusafir dan orang yang berkeperluan; hablun minan-nas. Menerusi ayat di atas, Allah menjelaskan bahawa kerja-kerja kebajikan adalah sistem kerja berobjektifkan keadilan sosial secara individu dan komuniti, bukanlah semata-mata merujuk kepada gerak kerja kerajaan.

Ini merupakan gambaran yang dipaparkan dalam sistem kehidupan yang dilalui secara harian oleh semua manusia di semua tempat dan masa. Kebajikan dalam Islam merupakan segala perbuatan baik yang menggandingkan hubungan dengan Allah dan hubungan sesama

manusia dan makhluk. Kebajikan harus bermula dengan diri sendiri serta berbuat baik kepada orang lain. Ia bermula dengan perkara yang paling mudah dilaksanakan dan secara beransur-ansur selari keupayaan dan kefahaman massa. Konsep inilah yang diterapkan oleh kerajaan Kelantan selama 3 dekad mentadbir berasaskan tema Membangun Bersama Islam.

ASAS KEBAJIKAN ADALAH AKHLAK YANG SARAT DENGAN KASIH SAYANG DAN PERI KEMANUSIAAN

Dalam Islam, kasih sayang adalah identiti dan asas iman, sebab hal itu merupakan bukti pengaruh agama terhadap hati nurani penganutnya sama ada sebagai pemimpin dan pengikut, seperti halnya ia juga merupakan kesaksian jiwa manusia yang menurut terma Islam belum akan diakui beragama bila ia tidak beramal dengannya. Gabungan aspek rohani, fizikal, material dan spiritual di bawah konsep berkebijakan sebagai lambang keimanan dan merupakan hak yang perlu diisi bersama.

Di dalam ayat Al-Quran yang lain juga Allah menyebut:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ
وَمَنْ يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١﴾

Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga

mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya. (Al-Hasyr,59:9)

Syed Qutb menyebut selagi belum tercipta keadilan kemanusiaan yang menyeluruh, maka tidak mungkin terwujud keadilan dalam bidang ekonomi yang terbatas itu. Islam mencakupi semua fenomena kehidupan dan segala sesuatu yang ada di sekitarnya, sebagaimana halnya ia mencakupi masalah ibadah dan amaliyah, jiwa dan hati nurani. Nilai-nilai yang mengandungi keadilan ini bukanlah semata-mata nilai ekonomi belaka, dan juga bukan sekadar nilai-nilai material pada umumnya. Tetapi keadilan ini mencakupi seluruh nilai-nilai maknawiyah dan ruhaniyah.

Kalau sekadar mencari makan, apalah perbezaan manusia dengan haiwan? Islam tidak menyukai perbezaan kesanggupan menjadikan perbezaan golongan lalu muncul pertentangan golongan. Yang kaya hidup mewah dan lupa daratan yang ditinggalkan dan pelabuhan yang akan dituju. Sementara tu, yang miskin hidup melarat dengan penuh dengki dan benci, lapar, berpenyakitan, tanpa pakaian. Kata Rasulullah saw, jika hal itu terjadi, maka itu bukanlah ummat Islam. Walau pun di sana ada masjid, ada surah Yasin, ada menara.

مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ

Maksudnya: “Sesiapa yang tidak mengasihi, maka dia tidak akan dikasihi.” **[Riwayat al-Bukhari (5997)]**

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمُسْلِمُ
أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ
مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ.

صحيح البخاري, كتاب المظالم , باب لا يظلم المسلم المسلم ولا يسلمه , حديث 2442 ,
عن عبد الله بن عمر رضي الله عنه

Maksudnya: “Sesiapa yang tidak mengasihi, maka dia tidak akan dikasihi.”
[Riwayat al-Bukhari (5997)]

BELANJAWAN, SUMBER KEWANGAN DAN DANA

Harta seseorang itu sememangnya merupakan hak individu tersebut dan dimiliki sepenuhnya olehnya namun adanya zakat dan infak yang disebut dalam Al-Quran untuk dikongsi kepada orang lain. Ianya adalah perintah Samawi.

Penentuan zakat ialah arahan daripada Allah kepada orang yang diberi kelebihan dalam rezeki untuk diberikan kepada orang yang memerlukan. Zakat merupakan kata terbitan dari kalimah (زَكَى) bermaksud suci dan subur, termasuklah bersih, berkat, berkembang, dan baik kepada harta zakat, pembayar zakat, dan penerima zakat.

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk). (Surah al-Taubah: 103)

Agama Islam sendiri menggalakkan umatnya supaya berusaha dan bekerja bersungguh-sungguh bagi meningkatkan kesejahteraan kualiti diri, keluarga, masyarakat dan negara. Islam melarang dan memandang rendah orang yang malas bekerja dan hanya bergantung nasib kepada pertolongan orang lain. Umat Islam perlu bekerja keras mencari rezeki agar pendapatan mereka bertambah.

Melalui pendapatan tersebut, mereka boleh memberi infak dan sedekah lebih banyak dan membantu umat Islam yang lain. Semakin banyak harta yang disumbangkan semakin besar kepuasan hati dapat dirasai kerana boleh berkongsi dan semakin banyak pahala bakal dinikmati in sya Allah. Di atas asas inilah Islam mendorong ummatnya untuk memberikan sedekah dan amal kebajikan; mencintai berinjak secara taat dan penuh perhitungan dengan hanya mengharap reda-Nya di alam dunia ini dan pahala-Nya di akhirat kelak, serta menjauhkan diri dari murka dan azab-Nya.

Khabar gembira disampaikan-Nya kepada mereka yang patuh dan taat kepada Allah, iaitu orang-orang yang bersedia menafkahkan sebagian dari hartanya demi reda-Nya:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنَسَكًا لِيذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ
فَالَهُمْ إِلَهٌُ وَاحِدٌ فَلَهُ أَسْلِمُوا وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٤﴾

الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَالصَّابِرِينَ عَلَىٰ مَا أَصَابَهُمْ وَالْمُقِيمِي الصَّلَاةِ
وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣٥﴾

"Dan bagi tiap-tiap umat telah Kami syariatkan penyembelihan (kurban), supaya mereka menyebut nama Allah terhadap binatang ternak yang telah direzekikan Allah kepada mereka, maka Tuhanmu ialah Tuhan Yang Maha Esa, dan berilah kabar gembira kepada orang-orang yang tunduk patuh (kepada Allah), dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang tunduk dan patuh kepada Allah, iaitu orang-orang yang apabila disebut nama Allah gemetarlah hati mereka; orang-orang yang sabar terhadap apa yang menimpa mereka, orang-orang yang mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian dari apa yang telah Kami anugerahkan sebagai rezeki kepada mereka".

(Surah Al-Hajj, 34 - 35).

Ayat ini mengemukakan gambaran yang mengesankan tentang hak dalam hati sanubari, yang kembali diulang penggambarannya dalam kesempatan lain dengan pernyataan-Nya bahawa:

إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِآيَاتِنَا الَّذِينَ إِذَا ذُكِرُوا بِهَا خَرُّوا سُجَّدًا وَسَبَّحُوا بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَهُمْ لَا
يَسْتَكْبِرُونَ ﴿١٥﴾

تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ
﴿١٦﴾

فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّا أُخْفِيَ لَهُمْ مِنْ قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dengan ayat-ayat Kami, hanyalah orang-orang yang apabila diperingatkan dengan ayat-ayat Kami, mereka menyungkur sujud, bertasbih dan memuji Tuhannya; sedang mereka tidak menyombongkan diri. Lambung mereka jauh dari tempat tidurnya, sedang mereka berdoa kepada Tuhannya dengan perasaan takut dan harap. Dan mereka menafkahkan sebagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Seorang pun tiada yang mengetahui apa yang disembunyikan untuk mereka, yaitu bermacam-macam nikmat yang menyenangkan pandangan mata, sebagai balasan bagi apa yang telah mereka kerjakan". (As-Sajdah, 15-17)

مَا آفَاءَ اللَّهِ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
 وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ
 فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulallah, dan bagi kaum kerabat (Rasulallah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulallah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya). (AlHasyr, 59:7)

Rasulullah SAW bersabda:

إِنْ قَامَتِ السَّاعَةُ وَفِي يَدِ أَحَدِكُمْ فَسِيلَةٌ، فَإِنْ اسْتَطَاعَ أَنْ لَا تَقُومَ حَتَّى يَغْرَسَهَا فَلْيَغْرَسْهَا

Maksudnya: “Jika terjadi hari kiamat sementara di tangan salah seorang dari kamu ada sebiji benih tanaman, maka jika dia mampu sebelum terjadi hari kiamat untuk menanamnya maka tanamlah.”

Riwayat Ahmad (3/183), al-Tayalisi dalam Musnadnya (2068) dan al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad (479)

Agama menggalakkan ummatnya untuk bekerja dan mencari harta sebanyak-banyaknya serta membelanjakan harta namun agama melarang pembaziran.

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ط وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya." (Al-Israa : 27)

Sedekah merupakan amalan yang dituntut dalam Islam. Tujuan sedekah adalah untuk membantu manusia yang bernasib kurang baik. Ini diterangkan dalam ayat al-Quran,

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي
 كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Mafhumnya: "Perumpamaan orang-orang yang menafkahkan harta mereka pada jalan Allah, adalah seperti sebutir biji yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai seratus biji. Allah melipatkan-gandakan bagi siapa yang dikuasainya dan Allah Maha Luas dan Maha Mengetahui" (Surah al-Baqarah, ayat 261)

KEBAJIKAN ITU LUAS DAN MERANGKUMI, TIDAK TERHAD KEPADA KEWANGAN SEMATA

Konsep berkebajikan itu sumber dan dananya juga tidak terhad kepada kewangan semata-mata. Kepelbagaian idea dan akal, umur yang panjang dan kesihatan dan tubuh badan yang baik serta ilmu juga merupakan modal dan sumber untuk berbuat kebajikan. Konsep jariah ilmu dan amalan baik sekiranya diikuti dan diamalkan oleh orang lain maka ia akan berpanjangan dan pahalanya akan terus menerus sehingga kiamat. Pelaburan ilmu dan khidmat seperti ini meluaskan konsep berkebajikan dalam Islam. Khidmat ikhlas, berakhlak baik dan menolong orang yang kesusahan termasuk ibu bapa dikira sebagai kebajikan dalam Islam.

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَالدِّ -
 صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Maksudnya: "Apabila mati seorang manusia, terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah atau ilmu yang

dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang mendoakan baginya."

Hatta seseorang itu dikira bersedekah andai ada burung yang memakan hasil dari tanaman yang dia usahakan kerana dia dianggap memberi makan kepada burung tersebut. Bahkan, Rasulullah saw sangat mendorong kaum muslimin untuk menanam tanaman-tanaman atau tumbuhan yang dapat berbuah dan bermanfaat bagi manusia. Dalam sebuah hadis, Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda,

مَمِينٌ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا إِلَّا كَانَ مَأْكُلًا مِنْهُ لَهُ صَدَقَةٌ وَمَا سُْرِقَ مِنْهُ لَهُ صَدَقَةٌ وَمَا أَكَلَ السَّبَّحُ مِنْهُ فَهُوَ لَهُ صَدَقَةٌ وَمَا أَكَلَنُ الطَّيْرُ فَهُوَ لَهُ صَدَقَةٌ وَلَا يَرِ زَوْهُ أَحَدٌ إِلَّا كَانَ لَهُ صَدَقَةٌ

"Tidak seorang muslim pun yang menanam suatu tanaman melainkan bahagian yang dimakan dari pohon tersebut adalah sedekah baginya, bahagian yang dicuri dari pohon tersebut adalah sedekah baginya, bahagian yang dimakan oleh burung-burung adalah sedekah baginya, serta bahagian yang dikurangi oleh seseorang juga sedekah baginya."

(H.r. Al-Bukhari, 8:118; Muslim, 8:176; At-Tirmidzi, 5:253)

Hadis ulung tentang amalan berkebajikan Nabi Muhammad saw oleh Khadijah r.a sebagai individu yang paling rapat dengan Rasulullah saw jelas menunjukkan karakter dan keperibadian yang menjadi asas pentadbiran Baginda dikemudian hari,

إنها – رضي الله عنها – تنفي هذه الخشية بالاعتماد على خلقه الكريم صلى الله عليه وسلم ((إنك لتصل الرحم ، وتحمل الكل ، وتكسب المعدوم ، وتقري الضيف ، وتعين على نوائب الحق)) ، ومن هذا خلقه ؛ فإن الله تعالى لا يخزيه أبدا

Setelah itu Nabi saw pulang ke rumah Khadijah binti Khuwailid, lalu berkata, “Selimuti aku! Selimuti aku!” Lantas oleh Khadijah hingga hilang rasa takutnya. Kata Nabi saw kepada Khadijah (setelah diceritakan semua kejadian yang baru dialaminya itu), “Sesungguhnya aku cemas atas diriku (akan binasa).” Kata Khadijah, “Jangan takut! Demi Allah! Tuhan sekali-kali tidak akan membinasakan anda (Nabi saw). Anda selalu menghubungkan tali persaudaraan, membantu orang yang sengsara, mengusahakan (mengadakan) barang yang belum ada, memuliakan tetamu, menolong orang yang kesusahan kerana menegakkan kebenaran.”

يَا رَسُولَ اللَّهِ دُلَّنِي عَلَى عَمَلٍ نَنْتَفِعُ بِهِ قَالَ: اعْرِضْ الْأَذَى عَنْ طَرِيقِ الْمُسْلِمِينَ

“Wahai Rasulullah, tunjukkanlah kepadaku suatu amalan yang dapat bermanfaat bagiku.” Beliau menjawab, “Singkirkanlah gangguan dari jalan-jalan kaum muslimin.” (H.r. Muslim, 13:49; Ibnu Majah, 11:78).

Rasulullah SAW bersabda “Seseorang lelaki menemui ranting yang berdiri di tengah jalan (yang dilaluinya), lalu ia berkata (kepada dirinya sendiri), “Demi Allah, aku benar-benar akan menjauhkan (membuang) duri ini agar tidak mengganggu orang-orang muslim”, kerana itu dia dimasukkan ke syurga.(Riwayat Muslim)

KAEDAH DAN SASARAN KEBAJIKAN MEMPUNYAI FORMULA TERSENDIRI, NAMUN PERLAKSANAANNYA TERTAKLUK KEPADA KEADAAN DAN KEPERLUAN (9 KATA KUNCI YANG DIJADIKAN ASAS DI DALAM DBKR)

Kebajikan berteraskan Islam bertunjangan kepada beberapa elemen penting seperti konsep kesederhanaan, hak dan tanggungjawab kedua-dua pihak pemberi dan penerima, pembentukan biah atau suasana yang baik dalam masyarakat, niat dan objektif secara zahir dan batin, kadar dan adab semasa proses menunaikan hak dan tanggungjawab, adat dan kebiasaan yang baik serta peranan dan tugas semua pihak. Kesemua elemen ini digabung jalinkan bagi menghasilkan satu sinergi yang tertumpu kepada pelaksanaan Berkebijakan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan.

Dasar ini digubal berpandukan sembilan kata kunci yang sering dirujuk dan dipakai dalam al-Quran dan Sunnah. Ini kerana kefahaman kebajikan perlu diambil berat bagi semua pihak, rakyat dan kerajaan, NGO dan orang awam, swasta dan korporat. Kebajikan bukanlah hanya bantuan yang berbentuk kewangan tapi juga merangkumi kebajikan bukan berbentuk material kepada mereka yang memerlukan.

No	Kata Kunci	Sumber daripada al-Quran atau Sunnah
1	Al-Birr (البر)	<p>﴿ لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُولُوا وَجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَأَبْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّادِقِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالصَّرَاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴾ (١٧٧)</p>

		Meliputi seluruh perkara kebaikan yang dilakukan semata-mata kerana beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, menghulurkan bantuan dan menegakkan keadilan demi mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat. (Al-Baqarah: 177)
2	Al-Adl wal Ihsan (والاحسان العدل)	<p>﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۗ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾ (٩٠)</p> <p>Menjadikan prinsip adil dan ihsan sebagai teras pentadbiran. Ia merupakan satu tuntutan agama untuk direalisasikan bagi memastikan kebajikan dirasai oleh seluruh masyarakat. (Al-Nahl: 90)</p>
3	Al-Ma'ruf (المعروف)	<p>﴿ وَلَتَكُنَّ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴾ (١٠٤)</p> <p>Membina masyarakat yang saling bekerjasama melakukan kebajikan dan mencegah kemungkaran sebagai tanggungjawab bersama yang perlu dipikul bersama. (Ali Imran: 104)</p>
4	Al-Hasanah (الحسنة)	<p>﴿ وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾ (٢٠١)</p> <p>Membina masyarakat sejahtera ke arah kebaikan di dunia dan akhirat. (Al-Baqarah: 201)</p>
5	At-Tayyibah (الطيبة)	<p>﴿ لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ ۖ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ ۚ كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ ۗ بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ ۚ وَرَبُّ غَفُورٌ ﴾ (١٥)</p> <p>Membina sebuah negara yang aman dan sejahtera serta mendapat keampunan Allah SWT. (Al-Saba': 15)</p>

6	Al-Khayr (الخير)	<p>وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيِّمًا عَلَيْهِ فَاحْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٤٨﴾</p> <p>Membangun ummah terbaik yang saling berlumba melakukan kebajikan. (Al-Maidah: 48)</p>
7	Ar-Rahmah (الرحمة)	<p>وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾</p> <p>Memupuk kasih sayang dan belas ihsan untuk semua golongan dalam masyarakat. (Al-Anbiya': 107)</p>
8	As-Sadaqah (الصدقة)	<p>Membudayakan sikap dan amalan baik sebagai maksud sedekah dalam masyarakat. (Hadis riwayat Abu Hurairah)</p>
9	At-Tatowwu' (التطوع)	<p>﴿ إِنَّ الصَّافَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ ﴿١٥٨﴾</p> <p>Melakukan amal perbuatan secara sukarela semata-mata kerana Allah adalah salah satu bentuk kebajikan yang dipandang tinggi oleh Allah SWT. (Al-Baqarah : 158)</p>

KEBAJIKAN ADALAH HAK DAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA, INDIVIDU DAN MASYARAKAT BERSIFAT FARDU 'AIN & FARDU KIFAYAH

Dalam situasi normal, kerja kebajikan kepada orang yang memerlukan itu dikira fardhu kifayah ertinya andai terdapat segolongan manusia menunaikannya maka seluruh anggota masyarakat bebas dan terlepas dari tanggungjawab tersebut. Ada ketikanya hukum perbuatan baik dan

berkebajikan itu mencapai tahap wajib kepada fardhu ain sekiranya tiada anggota masyarakat yang menunaikannya.

Kebajikan bukan sahaja berkaitan dengan pemberian bantuan jangka pendek satu keperluan namun ia merupakan satu penjana kerangka sebuah pembangunan jangka panjang untuk melahirkan sebuah masyarakat dan negara yang sejahtera. Kebajikan adalah isu dan tanggungjawab bersama yang perlu dipikul oleh semua pihak. Ianya perkara fitrah yang digariskan oleh Agama Islam.

GOVERNAN PENGURUSAN KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN

Dari segi urus tadbir, beberapa mekanisme pentadbiran telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Oleh itu, kewujudan Portfolio Pembangunan Kebajikan diletakkan di bawah Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan selepas Pilihanraya Umum ke-13 merupakan keputusan politik yang signifikan dalam melaksanakan penumpuan khusus kepada aspek pembangunan kebajikan.

Mulai tahun 2015, kerajaan Kelantan telah merangka pelan strategik yang dinamakan Kelantan Melangkah ke Hadapan (2016-2025) atau ringkasnya KMK. Pelan strategik ini dibentuk berteraskan tiga elemen iaitu Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan. Setiap sektor atau jawatankuasa yang dipengerusikan oleh setiap exco dipetakan mengikut tiga elemen di atas seperti yang tertera di bawah:

Elemen	KEBERKATAN	KEMAKMURAN	KEBAJIKAN
---------------	-------------------	-------------------	------------------

Maksud	Memastikan tindakan kerajaan dan aktiviti rakyat mendapat keberkatan daripada Allah yang natijahnya dapat membentuk masyarakat beragama yang bebas dari gejala sosial dan aktiviti maksiat	Merencanakan pembangunan ekonomi negeri dan ekonomi rakyat dengan mensasarkan penambahan peluang pekerjaan kepada rakyat dari aktiviti hiliran sektor sumber asli	Memastikan kebajikan semua rakyat dijaga tanpa mengira bangsa dan agama dengan mensasarkan peningkatan kualiti hidup rakyat dalam aspek kebersihan, keindahan, kehijauan dan kesihatan.
Sektor	<ul style="list-style-type: none"> ● Agama & Dakwah ● Pentadbiran Awam ● Pendidikan & Pembangunan Insan 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pengukuhan Ekonomi ● Peningkatan Sosio-Ekonomi Rakyat ● Pembangunan Ekonomi & Pelaburan ● Pembangunan Infrastruktur & Fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> ● Kebersihan & Kesihatan Rakyat ● Khidmat Kebajikan ● Khidmat Perbandaran

laitu bermula dengan pembentukan Unit Pembangunan Kebajikan di bawah Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan. Melalui urusetia tersebut, pelaksanaan dasar dan program kebajikan di negeri Kelantan menjadi lebih strategik, progresif dan terancang melalui pelan tindakan strategik dan halatuju portfolio.

Program berkebijakan yang bersepadu merangkumi aspek kerohanian, emosi, fizikal dan mental untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera, dinamik dan progresif melalui:

- Pendidikan, Pembangunan dan pengurusan Hal Ehwal Kebajikan
- Kefahaman & Kesedaran Konsep Berkebajikan
- Pembangunan Jati Diri, Kemahiran & Kemandirian
- Pembudayaan sikap prihatin, bantu membantu dan kesukarelaan
- Pelantikan petugas dan penyelarasan kerja kebajikan
- Pembentukan sistem pengagihan dan data
- Pembinaan infrastruktur dan pusat aktiviti kebajikan
- Pengupayaan dan Pembangunan golongan Mustadh'afin termasuk OKU, Armalah, Anak Yatim, Miskin dan Warga Emas
- Peningkatan Bajet, penambahan produk dan CSR serta skim Kebajikan merentasi portfolio
- Pelan tindakan dan Kerjasama strategik dengan NGO, agensi, rakan korporat dan masjid
- Pengurusan Bantuan Bencana

Selain itu, terdapat beberapa jawatankuasa dan agensi di peringkat kerajaan negeri yang terlibat dengan hal ehwal kebajikan dan pengurusan pembasmian kemiskinan. Di bawah tanggungjawab Menteri Besar, terdapat satu jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Tadahan Rahmat yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Menteri Besar dan turut dianggotai oleh wakil Pejabat Pembangunan Negeri, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), U-Kekwa, Perbadanan Ladang Rakyat serta Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Teknologi Hijau.

PENDIDIKAN AGENDA BERKEBAJIKAN DAN S.O.P

Agenda melahirkan masyarakat berkebajikan memerlukan satu kemahuan dan tindakan siasah yang bersungguh-sungguh. Induksi dasar berkebajikan ini telah diadakan di semua jajahan melibatkan semua pemegang taruh. Ia kemudiannya dicernakan melalui pelan tindakan melalui jabatan, agensi dan NGO-NGO utama. Ia kemudiannya dilaksanakan melalui silibus latihan sukarelawan sebagai sistem sokongan kepada masyarakat dan pemimpin.

Pelbagai program jangka panjang dan jangka pendek diperkenalkan untuk dibawa ke dalam masyarakat bagi menggerakkan komuniti mengikut kesesuaian keperluan, lokasi dan minat. Semaian kefahaman bahawa dermawan dan sumbangan bukan sahaja dalam bentuk kewangan tetapi juga dalam bentuk idea dan tenaga telah menyuburkan budaya berkebajikan dalam masyarakat.

Pendidikan dan galakan sistem sokongan kebajikan dilakukan secara formal dan informal sama ada melalui badan agama dan juga agensi bagi memastikan semua pihak dapat dilibatsama. Bagi syarikat korporat ia diperkenalkan dengan insentif tanggungjawab sosial korporat atau "corporate social responsibility", manakala untuk individu ia ditanda dalam sistem merit yang akan dikira dalam pelbagai anugerah tokoh masyarakat dipelbagai peringkat.

Justeru itu, di bawah Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan terdapat 6 tahap untuk dicapai dari segi pelaksanaan kebajikan:

- i. Individu
- ii. Keluarga

- iii. Masyarakat
- iv. Binatang dan Alam Sekitar
- v. Negeri
- vi. Negara

Manakala, matlamat Dasar Kesejahteraan dan Kebajikan Negeri Kelantan yang ingin dicapai ialah:

- i. Merealisasikan dan menghayati konsep Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan (UMI) dalam program kebajikan.
- ii. Menjadikan dasar ini sebagai rujukan pelaksanaan program berkebajikan mengikut maqasid syariah, masalah, kebijakan dan keutamaannya (Dharuriyyat, Hajiyyat, Tahsiniyyat).
- iii. Memberi kesedaran untuk membangunkan prasarana, sistem sokongan, pasukan kerja, potensi diri dan kemandirian golongan sasaran.
- iv. Membina dan menambah baik sistem bantuan termasuklah SOP dan KPI secara tersusun bagi meningkatkan keberkesanan dan kelangsungan pelaksanaan dan kebolehpercayaan di semua peringkat.
- v. Melahirkan pelapis, penggerak, sukarelawan dan dermawan bagi menyuburkan budaya berkebajikan dalam masyarakat.

Dalam usaha melahirkan sukarelawan dikalangan rakyat Kelantan, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif. Satu sistem pengurusan pasukan sukarelawan diperkenalkan di semua dewan undangan Negeri. Setiap individu, kumpulan, pertubuhan, masyarakat tempatan, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan perlu berganding

bahu memainkan peranan secara aktif dan menyeluruh di semua peringkat bagi menjayakan dasar ini .

4 STRATEGI UTAMA

Berdasarkan asas inilah maka 4 strategi utama Pelaksanaan Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan dilaksanakan melalui melalui kaedah-kaedah At-Taawun (bekerjasama), Al-Takaful Al-Ijtimaie (keseimbangan masyarakat) dan Al-Mahabbah (berkasih sayang) melalui penggerak dan pelaksana didalam beberapa kategori.

Individu

1. Memahami dan mengamalkan sikap dan amalan berkebajikan dalam semua aspek kehidupan.
2. Menyedari dan menyebarkan konsep berkebajikan.
3. Meningkatkan kesedaran dan kemahiran melalui program pendidikan dan pembangunan jati diri.

Keluarga

1. Membudayakan kehidupan keluarga berkebajikan dan sejahtera dalam agenda pembangunan negeri.
2. Membangunkan prasarana, insentif dan sistem sokongan bagi melahirkan keluarga berkebajikan dan sejahtera.
3. Memastikan hak dan kebajikan ahli keluarga terjaga.

Masyarakat, Institusi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

1. Memupuk kesedaran dan budaya cakna, prihatin dan tolong menolong dalam masyarakat sepanjang masa di semua tempat dan peringkat.
2. Memperkukuh dan mengupayakan agensi kerajaan dan swasta, NGO dan institusi kebajikan sosial dalam masyarakat.
3. Menggembeleng tenaga dan potensi ke arah melahirkan masyarakat madani dalam menjayakan program kebajikan.

Kerajaan

1. Melaksanakan program dan urus tadbir kerajaan mengikut kaedah Maqasid Syariah dan keutamaan.
2. Menjadi penyelaras dan pemantau pelaksanaan Dasar Berkebijakan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan.
3. Menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan perniagaan, ekonomi tempatan serta menarik pelabur luar ke arah penjanaan sumber dana yang banyak.
4. Menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menggalakkan semangat kesukarelawanan dan berkebijakan dalam masyarakat.
5. Mewujudkan mekanisma, kumpulan pakar dan sistem pelaksanaan yang cekap dan berkesan dalam semua program berkebijakan.
6. Menjalin hubungan dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan industri dalam program kebajikan.
7. Menjaga kebajikan, kepentingan dan kemaslahatan ahli yang berhak.

HAK DAN GOLONGAN SASAR DALAM KEBAJIKAN

Kebajikan Islam mempunyai kaitan kehidupan individu muslim termasuk dalam menunaikan hak orang miskin di dalam harta orang kaya, hak orang sakit di dalam hak orang sihat, hak orang lemah di dalam hak orang kuat. Di dalam buku *Social and Moral Code Of Islam* ada menyebut tentang pembahagian hak dan tanggungjawab yang digariskan oleh Al-Quran.

Antara hak yang paling utama ialah –

1. Hak kepada Allah
2. Hak Ibu Bapa
3. Hak Anak-Anak
4. Hak Suami Isteri
5. Hak Anak Yatim
6. Hak Saudara Mara
7. Hak Jiran
8. Hak Orang Miskin Dan Orang Yang Memerlukan
9. Hak Orang Sakit Dan Oku
10. Hak Diantara Yang Muda Dan Yang Tua
11. Hak Sesama Manusia
12. Hak Wanita
13. Hak Non-Muslim
14. Hak Pembantu

❁ **وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ
 وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ
 بِالْجُنُبِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ
 مُخْتَالًا فَخُورًا** ﴿٣٦﴾

Mafhumnya: Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri; (An-Nisaa: 36)

❁ **وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ ۖ لِمَن أَرَادَ أَنْ يُتِمَّ الرَّضَاعَةَ ۗ وَعَلَى الْمَوْلُودِ
 لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۗ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا ۗ لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ بِوَلَدِهَا
 وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَلَدِهِ ۗ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ ۗ فَإِن أَرَادَا فِصَالًا عَنِ تَرَاضٍ مِّنْهُمَا
 وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِن أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْرِعُوا بِوَلَدِكُمُ فَلَاحُ جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ
 مَا أَنَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ ۗ وَالْقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ** ﴿٣٣﴾

Mafhumnya: Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, yaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara ma'ruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya. Janganlah seorang ibu menderita

kesengsaraan karena anaknya dan seorang ayah karena anaknya, dan warispun berkewajiban demikian. Apabila keduanya ingin menyapih (sebelum dua tahun) dengan kerelaan keduanya dan permusyawaratan, maka tidak ada dosa atas keduanya. Dan jika kamu ingin anakmu disusukan oleh orang lain, maka tidak ada dosa bagimu apabila kamu memberikan pembayaran menurut yang patut. Bertakwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahwa Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan. (Al-Baqarah: 233)

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Mafhumnya: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya diantaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir. (Ar-Rum: 21)

وَيُطْعَمُونَ أَلْطَعَامَ عَلَىٰ حَيْثُ مَسْكِنًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا ﴿٨﴾

Mafhumnya: Mereka juga memberi makan benda-benda makanan yang dihajati dan disukainya, kepada orang miskin dan anak yatim serta orang tawanan. (Al-Insaan: 8)

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةَ لِلْوَالِدَيْنِ
وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ ۗ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ ﴿١٨٠﴾

Mafhumnya: Diwajibkan atas kamu, apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiat untuk ibu-bapa dan karib kerabatnya secara makruf, (ini adalah) kewajiban atas orang-orang yang bertakwa.

(Al-Baqarah: 180)

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ لَا يَأْمَنُ جَارَهُ بَوَائِقِهِ

Maksudnya: “Tidak akan masuk syurga, orang yang membuat jirannya tidak merasa aman daripada gangguannya.” **[Riwayat Muslim (73)]**

وَأَتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا ﴿٢٦﴾

Mafhumnya: Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau.

(Al-Israa: 26)

لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَىٰ حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرْجٌ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ
يَدْخُلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَمَنْ يَتَوَلَّ يَْعَذِّبْهُ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٧﴾

Mafhumnya: Tiada dosa atas orang-orang yang buta dan atas orang yang pincang dan atas orang yang sakit (apabila tidak ikut berperang). Dan barangsiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya; niscaya Allah akan memasukkannya ke dalam surga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan barang siapa yang berpaling niscaya akan diazab-Nya dengan azab yang pedih. (Al-Fath: 17)

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرِثُوا النِّسَاءَ كَرْهًا وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَا ءَاتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحِشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۚ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا ﴿١٩﴾

Mafhumnya: Hai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mempusakai wanita dengan jalan paksa dan janganlah kamu menyusahkan mereka karena hendak mengambil kembali sebagian dari apa yang telah kamu berikan kepadanya, terkecuali bila mereka melakukan pekerjaan keji yang nyata. Dan bergaullah dengan mereka secara patut. Kemudian bila kamu tidak menyukai mereka, (maka bersabarlah) karena mungkin kamu tidak menyukai sesuatu, padahal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak. (An-Nisa': 19)

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّنْ تَبُورَ ﴿٢٩﴾

Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka,

mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapakan satu perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian; (Al-Fatir, 35:29)

❖ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ فُلُؤُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْهِمْ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Mafhumnya: Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yuang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. (At-Taubah: 60)

فالرسول يقول: «والله لا يؤمن، والله لا يؤمن، والله لا يؤمن، قالوا من يا رسول الله؟ قال: من بات شبعان وجاره جائع وهو يعلم

"Tidaklah beriman kepadaku, barangsiapa yang tidur dengan perut kenyang, padahal jirannya, tetangganya lapar dan dia mengetahui."

(al-Hadis)

بَيْنَا رَجُلٌ يَمْشِي، فَاشْتَدَّ عَلَيْهِ الْعَطَشُ، فَنَزَلَ بِنْرًا، فَشَرِبَ مِنْهَا، ثُمَّ خَرَجَ فَإِذَا هُوَ بِكَلْبٍ يَلْهَثُ يَأْكُلُ التُّرَى مِنَ الْعَطَشِ، فَقَالَ: لَقَدْ بَلَغَ هَذَا مِثْلُ الَّذِي بَلَ بِي، فَمَلَأَ خُفَّهُ، ثُمَّ أَمْسَكَهُ بِيَدِهِ، ثُمَّ رَفِيَ، فَسَقَى الْكَلْبَ، فَشَكَرَ اللَّهُ لَهُ، فَعَفَرَ لَهُ، "، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَإِنَّ لَنَا فِي الْبَهَائِمِ أَجْرًا؟ قَالَ: فِي كُلِّ كَبِدٍ رَطْبَةٌ أَجْرٌ

Maksudnya: “Terdapat seorang lelaki sedang berjalan lalu dia merasa haus maka dia turun ke sebuah perigi dan minum daripadanya. Apabila dia keluar, terdapat seekor anjing yang sedang mengeluarkan lidahnya lalu menjilat tanah kerana kehausan. Maka dia berkata: Anjing ini kehausan sepertimana aku alami sebentar tadi. Disebabkan itu, dia memenuhkan kasutnya dengan air dan dia memegang kasutnya (yang diisi dengan air) dengan mulutnya.

Kemudian dia memberi anjing itu minum. Dengan itu, dia bersyukur kepada Allah SWT maka Allah SWT mengampuninya”. Mereka (para sahabat) bertanya: “Wahai Rasulullah SAW, adakah bagi kami ganjaran jika kami berlaku baik pada haiwan?”. Rasulullah SAW bersabda: “(Berbuat baik) Setiap yang bernyawa itu akan diberi pahala”.

[Riwayat al-Bukhari (2363)].

Di dalam sahih Muslim, terdapat sebuah hadis yang menceritakan kisah seorang wanita yang melakukan dosa besar telah diampunkan oleh Allah SWT akibat daripada perbuatannya memberi minum seekor anjing yang kehausan.

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

أَنَّ امْرَأَةً بَغِيًّا رَأَتْ كَلْبًا فِي يَوْمٍ حَارٍّ يُطِيفُ بِبَيْتِ، قَدْ أَدْلَعَ لِسَانَهُ مِنَ الْعَطَشِ، فَتَزَعَتْ لَهُ
بِمُوقِهَا فَغُفِرَ لَهَا

Maksudnya: “Seorang wanita yang melacur telah melihat seekor anjing pada suatu hari yang panas sambil mengelilingi sebuah perigi. Anjing tersebut juga menjelirkan lidahnya kerana kehausan. Wanita tersebut

menanggalkan kasutnya lalu memberinya minum maka telah diampunkan dosanya”.

[Riwayat Muslim (2245)]

إِنْ تُبْدُوا الصَّدَقَاتِ فَنِعِمَّا هِيَ وَإِنْ تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ
وَيُكَفِّرُ عَنْكُمْ مِنْ سَيِّئَاتِكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٧٦﴾

Maksudnya: "Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik). Dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu serta kamu berikan kepada orang-orang fakir miskin, maka itu adalah baik bagi kamu dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian dari kesalahan-kesalahan kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu lakukan."

(Surah al-Baqarah: 271)

Syeikh al-Maraghi berkata: "Jika kamu mengeluarkan derma secara terbuka, maka cara seperti itu adalah lebih baik kerana ia akan menjadi teladan yang baik kepada orang lain, sehingga ada antara mereka yang akan menirunya. Di samping itu, zakat menjadi salah satu sendi ajaran Islam yang andaikata jika dia lakukan dengan sembunyi-sembunyi, maka orang yang enggan mengeluarkannya akan berasa bimbang untuk melakukannya. Tetapi jika kamu memberi kepada orang fakir secara diam-diam, maka itulah yang terbaik kerana ia dapat menjauhkan diri dari sifat riyak, bahkan sejajar dengan keterangan dalam hadith-hadith dan contoh-contoh perbuatan sahabat." (Lihat Tafsir al-Maraghi, 2/620)

5 PASUKAN SUKARELAWAN RAKYAT KELANTAN

Pasukan skuad kita cakna (SKC) dan penyelarasa armalah dun (PPAD) menjadi mata dan telinga kerajaan negeri Kelantan. Mereka akan membantu menyelaraskan maklumat kepada Pusat Khidmat Masyarakat, agensi kerajaan dan NGO yang ingin membantu mereka yang memerlukan. Laporan dan tindakan susulan akan diproses hasil dari ziarah yang dilakukan.

Secara khususnya SKC bergerak secara berkelompok dan bersistem akan menziarahi rakyat yang sakit kronik dan terlantar, miskin, OKU, warga emas, armalah dan anak yatim. Mereka juga akan menziarah pemimpin masyarakat sebagai galakan untuk terus terlibat dalam masyarakat. Pasukan ini terdiri dari pemimpin tempatan lelaki dan perempuan yang bertugas sepanjang tahun di semua lokasi. Dengan kata lain, ini adalah jalinan khidmat sesama komuniti yang sangat berkesan dan merapatkan hubungan sehingga ke akar umbi.

Setelah 10 tahun SKC ini diperkenalkan, maka pada tahun 2020 pasukan SKC akan diperturunkan sehingga ke peringkat mukim. Ini akan menjadikan lebih 600 pasukan SKC akan ditubuhkan diseluruh Kelantan melibatkan 6000 sukarelawan yang akan melaksanakan agenda kebajikan diseluruh Kelantan. Pasukan SKC remaja juga turut diperkenalkan untuk menerapkan sikap cakna dan prihatin sejak dini.

Di samping itu, terdapat satu lagi pasukan sukarelawan komuniti telah diwujudkan dengan nama Majlis Sukarelawan Rakyat Kelantan (Mesra). Ia yang terdiri daripada 14 gabungan sukarelawan sedia ada yang membantu Kerajaan dan masyarakat menjalankan aktiviti komuniti

termasuk ketika kecemasan dan bencana. Biasanya ia dianggotai oleh anak muda dan golongan pekerja yang ingin menyumbang pada masyarakat. Sukarelawan ini dilatih oleh pasukan bomba dan Nadma setiap tahun agar penyelarasan data dan fokus khidmat, pengalaman dan kemahiran mereka bertambah dalam membantu khidmat sosial ini.

Mesra ditubuhkan pada Januari 2014 dan kini dianggotai oleh 2000 orang ahli yang aktif. Ketika bah kuning, Mesra telah berjaya mengendalikan 10,000 orang sukarelawan dari seluruh negara. Kini mesra diterajui oleh seorang penyelarasan di 14 buah parlimen di Kelantan. Mesra menganjurkan pelbagai program komuniti dan sentiasa bersiap siaga menghadapi saat banjir di Kelantan.

Sebuah lagi pasukan sukarelawan khas di Kelantan ada Pasukan Penyelarasan Orang Kurang Upaya OKU (PPO). Mereka bertanggungjawab untuk menyelaraskan bantuan, aktiviti dan program yang berkaitan dengan termasuk memberikan kefahaman dan pengisian Gagasan OKU Muqrrabun (satu sub dasar kepada dasar Berkeabajikan) untuk memberi halatuju yang jelas kepada orang kurang upaya di Kelantan. mereka juga menjadi fasilitator yang memberikan penerangan kepada orang ramai tentang keperluan dan kesedaran mengenai penglibatan OKU di dalam komuniti.

Kadar pendaftaran dan partisipasi OKU meningkat dengan baik dengan wujudnya sukarelawan ini. Di peringkat Negeri, ia dibantu oleh Majlis Persefahaman OKU Kelantan gandingan 7 Buah NGO OKU utama. Pemantauan segala pelaksanaan gerak kerja PPO dan MPPOK ini dibuat oleh Majlis Perundingan OKU Negeri Kelantan yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.

GANDINGAN PENGGERAK KEBAJIKAN

وَلِكُلِّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيَهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ
جَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Al-Baqarah: 148)

Gesaan di dalam ayat untuk kerja kebajikan mestilah didasari dengan gerak kerja kelompok dan melibatkan masyarakat secara individu atau masyarakat sivil. Kini NGO tumbuh bagai cendawan selepas hujan. Di bawah konfederasi NGO Kelantan lebih 500 buah NGO telah berdaftar, dimana sebanyak 53 buah NGO telah menjadi rakan strategik kerajaan Negeri dalam kerja-kerja kebajikan. Disamping itu juga penggerak dan institusi masjid dan surau, penggawa dan penghulu terus sebatu menjadi penghubung masyarakat dengan kerja kebajikan.

Sejumlah 53 agensi, Institusi, NGO dan NGI turut sama dalam gerak kerja kebajikan dengan Kerajaan Negeri sebagai rakan strategik kebajikan di antaranya:

- 1 Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)
- 2 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK)
- 3 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

- 4 Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG)
- 5 Pusat Kajian Strategik (PKS)
- 6 Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-Bri)
- 7 Pejabat Pembangunan Negeri
- 8 Jabatan Pembangunan Persekutuan
- 9 Jabatan Pembangunan Wanita Keluarga Masyarakat (JPWKM)
- 10 Lembaga Penduduk Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
- 11 Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)
- 12 Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
- 13 Universiti Sains Malaysia (USM)
- 14 Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
- 15 Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
- 16 Universiti Teknologi Mara (UITM)
- 17 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- 18 Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO)
- 19 Yayasan Noor Al Syakur (YANAS)
- 20 Yayasan Orang Kurang Upaya Kelantan (YOKUK)
- 21 Yayasan Amanah Tok Kenali
- 22 Yayasan Amal Dato' Zul Wisma
- 23 Yayasan Faqeh
- 24 Yayasan Amal Malaysia
- 25 Pertubuhan Sukarelawan Rakyat Kelantan (MESRA)
- 26 Majlis Perundingan Persefahaman Oku Kelantan (MPPOK)
- 27 Persatuan Sindrom Down Negeri Kelantan (PSDNK)
- 28 Pertubuhan Armalah Darul Naim
- 29 Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia
- 30 Misi Kembara Dakwah (MKD)
- 31 Khidmat Malaysia

- 32 Pertubuhan Gabungan Bantuan Ngo Malaysia (BBNGO)
- 33 4 X 4 Kelantan Hilux Truckers (KHT)
- 34 Kelab Komunikasi Radio Amatur Bachok (AKRAB)
- 35 Pertubuhan Nisa' Kelantan
- 36 Akademi Quranis Kelantan
- 37 Generasi Sejahtera Kelantan (GENTERA)
- 38 Cakna Palestin
- 39 Skuad Kita Cakna (SKC)
- 40 Jabatan Amal
- 41 Briged Malaysia
- 42 Min House Camp
- 43 Zarina Binti Nawawi
- 44 Hj Nazri Bin Mohd Nor
- 45 Mohd Syazuwan Husnan Bin Hamid
- 46 Konfederasi Ngo Kelantan
- 47 Jabatan Meteorologi
- 48 Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)
- 49 Suhail Kamaruddin
- 50 Air Kelantan Sdn. Bhd (AKSB)
- 51 Persatuan Kebangsaan Pekak Malaysia
- 52 Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
- 53 Majlis Perundingan Wanita Parlimen (MPWP)

Kaedah penggunaan optimum tenaga sukarelawan tempatan sesama mereka dengan bajet murah, kerana ia tidak melibatkan bayaran dan upah serta kos pengangkutan yang murah , pemakaian prosedur operasi standard yang digunakan semasa memberi khidmat adalah (SOP) yang mudah dan cepat. SOP ini boleh difahami dengan mudah oleh semua petugas hatta yang berpendidikan rendah. Ia juga sangat berkesan

kerana mereka adalah orang yang paling hampir dengan sasaran dan memahami adat budaya dan keperluan. Hampir kesemua laporan dan aduan dibuat menggunakan urusan maya melalui internet dan media sosial. Kesemua prosedur ini selaras disemua DUN dengan tujuan untuk mempermudah urusan rakyat terbanyak yang merupakan antara SOP berkebijakan yang disarankan oleh Islam.

عن أنس - رضي الله عنه - قال: قال رسول الله - صلى الله عليه وسلم ((يبشّروا ولا تعسّروا، وبشّروا ولا تنفّروا))؛ متفق عليه

Makna Hadith - "Senangkanlah (permudahkanlah) dan jangan susahkan dan berilah khabar gembira dan jangan berikan khabar buruk (buatkan orang lari daripadamu)."

Kendatipun Dasar Berkebijakan dan Kesejahteraan Rakyat ini sebagai teras secara tuntasnya, dari segi pelaksanaan hal ehwal kebajikan ia tetap tertakluk dan mematuhi dasar-dasar utama kerajaan pusat dan negeri. Antara dasar-dasar kerajaan persekutuan berkaitan kebajikan ialah Dasar Sosial Negara, Dasar Warga Emas, Dasar Kanak-kanak dan Dasar Wanita Negara. Manakala Dasar-dasar kerajaan negeri Kelantan berkaitan yang turut dibaca bersama adalah Dasar Keluarga Mawaddah, Dasar Kanak-kanak Fitrah, Dasar Wanita dan Gagasan OKU Muqarrabun, Dasar Pendidikan Rabbani disamping dasar-dasar lain.

INISIATIF-INISIATIF KEBAJIKAN YANG TELAH DILAKSANAKAN (POLISI KEBAJIKAN)

- i) Pelaksanaan Lima (5) Hari Bekerja Seminggu

Kerajaan Negeri Kelantan telah bersetuju melaksanakan Waktu Bekerja 5 hari seminggu bagi semua jabatan, Badan-Badan Berkanun dan Penguasa-Penguasa Tempatan Negeri Kelantan berkuatkuasa mulai 01 Januari 1996. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 8 Tahun 1995, Kerajaan Negeri Kelantan telah menyusun semula hari dan masa bekerja kepada :

ii) Waktu Bekerja Bulan Ramadhan

Melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 8 Tahun 2011, (Pindaan Kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1996) melalui keputusan Pihak Berkuasa Negeri melaksanakan perubahan waktu bekerja biasa, maka waktu Bekerja Bulan Ramadhan adalah dipinda seperti berikut :-

- Hari Ahad Hingga Rabu : 8:00 pagi hingga 4:00 petang
- Hari Khamis : 8:00 pagi hingga 2:30 petang

Negeri Kelantan adalah merupakan negeri terawal yang melaksanakan perubahan waktu bekerja bagi membolehkan kakitangan pulang awal pada bulan Ramadhan. Hal ini menyaksikan kerajaan Negeri Kelantan mendepani negeri-negeri lain dalam menjaga kebajikan kakitangan awam kerajaan negeri dan persekutuan.

iii) Penyelaras Pembangunan OKU Negeri (P.P.O.N)

Antara usaha awal kerajaan Kelantan dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan Orang Kurang Upaya terjaga ialah dengan melantik Penyelaras Pembangunan Orang Kurang Upaya Negeri (PPON). PPON telah dilantik pada Jun 2013, supaya dapat

memperjuangkan hak dan pembangunan OKU yang juga merupakan seorang OKU fizikal.

PPON bertanggungjawab menguruskan segala perihal bantuan OKU yang disediakan di bawah seliaan EXCO Kebajikan terutamanya Bantuan Maa'ruf OKU (BMO). PPON juga menjadi penghubung antara Kerajaan Negeri dan NGO-NGO OKU dalam menyuarakan hasrat OKU untuk diberi perhatian oleh kerajaan negeri.

iv) Majlis Penasihat OKU Negeri Kelantan

Kerajaan Kelantan melalui Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan telah menubuhkan Majlis Penasihat OKU (MPO) Negeri Kelantan pada 2016. MPON ditubuhkan bagi merangka dan menyediakan garis panduan serta model pembangunan OKU bagi Negeri Kelantan secara menyeluruh berteraskan Dasar Membangun Bersama Islam dan Gagasan OKU Muqarrabun. Keanggotaan Majlis ini seramai 13 orang ahli yang terdiri daripada pelbagai pakar dari bidang perundangan, pendidikan, perubatan dan sebagainya.

Penubuhan Majlis ini bertujuan menggalakkan tumpuan dan penjagaan yang lebih sempurna kepada kumpulan sasar melalui penyeliaan pelaksanaan dasar negeri dan pelan tindakan negeri yang berhubungan dengan OKU. MPO bertindak sebagai pemantau, fasilitator,penyelaras dan penasihat kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk membangunkan segala keperluan dan perkhidmatan golongan OKU.

i) Sub Dasar OKU Muqarrabun

Dasar ini dirangka sebagai menyatakan komitmen pihak-pihak yang berkaitan dalam usaha membangunkan kesedaran mengalakkan amalan agama dikalangan Orang Kurang Upaya (OKU) berasaskan potensi dan keperluan individu-individu Orang Kurang Upaya dan memperkenalkan konsep keberkatan dalam menyantuni golongan ini dalam masyarakat. Dasar ini perlu dibaca bersama-sama Dasar Berkeadilan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan. Dua teras kepada pelaksanaan pembangunan orang kurang upaya adalah:-

- i. Mendorong dan mendidik keluarga, masyarakat dan pemimpin untuk memaksimakan keberadaan OKU tanpa sebarang halangan dengan libatsama yang sepenuhnya.
- ii. Mengenangkan potensi OKU dalam semua aspek kepada masyarakat dengan dipadankan keupayaan mereka secara tersendiri
- iii. Mewujudkan sistem sokongan yang sepadu dan berpatutan.

Bagi menjayakan dasar ini, pelan dan tindakan susulan dirangka sesuai dengan ketetapan dan teras yang dinyatakan.

- ii) Pelantikan Penyelaras Pembangunan Armalah Dun (P.P.A.D)

Bermula dari tahun 2007, Kerajaan Negeri telah melantik 45 orang Penyelaras Pembangunan Armalah DUN (PPAD) di seluruh negeri Kelantan bagi menguruskan hal ehwal armalah/ ibu tunggal termasuklah anak yatim/ anak armalah. PPAD telah memulakan tugas mereka secara rasmi bermula 1 September 2007. Pendaftaran armalah di setiap DUN diuruskan oleh PPAD masing-

masing. Hingga kini, bilangan armalah berdaftar dengan Kerajaan Negeri sehingga 19 Februari 2017 adalah seramai 39,413 orang; yang berumur 60 tahun dan ke atas seramai 23,375 orang dan yang berumur bawah 60 tahun seramai 16,038 orang.

iii) Pembentukan dan pemeraksanaan Skuad Kita Cakna

Kerajaan Negeri Kelantan telah melantik kira 450 ahli skuad Kita Cakna di semua 45 DUN sejak tahun 2010. Pasukan ini diwakili oleh pelbagai peringkat umur, jantina dan status yang bertanggungjawab untuk bertanya khabar kumpulan sasar yang terdiri dari orang susah, OKU, sakit kronik, armalah dan warga emas dengan menyampaikan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Mereka akan membuat lawatan dan melaporkan secara bergambar kepada U KekWa untuk tindakan selanjutnya sebelum menyalurkan kepada agensi yang berkaitan. Mereka juga akan berkerjasama dengan pasukan Home Help dibawah JKM dalam memastikan kebajikan golongan sasar terbelas. Kini pasukan ini ditambah sehingga ke skuad di peringkat Desa.

iv) Peningkatan Bajet, Penerima Bantuan dan Produk Kebajikan

Dari tahun ke tahun kerajaan Negeri Kelantan sentiasa menambah peruntukan dan bilangan penerima manfaat kebajikan rakyat. Kadar bantuan am yang bermula dengan RM90 kini meningkat sehingga RM250 dan jumlah penerima al It'am juga dari 100 orang kepada 300 orang dalam tempoh 10 tahun. Skim kebajikan sama ada kewangan atau peralatan juga ditambahbaik secara konsisten. Tiada skim yang tarik balik sejak ia dilancarkan dan natijahnya pendapatan Kerajaan semakin baik dan sentiasa mendapat pengiktirafan dari segi integriti dan ketelusan. Ini secara tidak

langsung membawa erti keberkatan dan kenikmatan yang dirasai bersama oleh rakyat.

SKIM-SKIM BANTUAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN BERDASARKAN DASAR BERKEBAJIKAN DALAM AGENDA MERAKYAT MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

Belanjawan kerajaan Negeri Kelantan merupakan peruntukan yang datang dari sumber hasil cukai tanah tanah, mineral, pendapatan kewangan dan pelaburan termasuk pemberian wajib Kerajaan Persekutuan. Sumber dana rakyat turut menyumbang dalam pelbagai bentuk yang akhirnya dapat dinikmati oleh masyarakat. Pelbagai skim bantuan dan inisiatif kebajikan dirangka. Ia merentasi pelbagai portfolio dan agensi kerajaan dalam menjayakan konsep kebajikan mengikut bidang dan sasaran masing-masing. Perkhidmatan bantuan bertujuan bukan sahaja untuk menampung dan menambah pendapatan keluarga bagi memenuhi keperluan asas kehidupan, bahkan bagi menggalakkan kumpulan sasar yang masih produktif supaya minat bekerja dan berdikari.

Skim-skim bantuan sama ada secara sekaligus (one off) atau secara berkala yang dinyatakan di atas hanyalah sebahagian daripada jumlah bantuan yang disalurkan oleh kerajaan negeri Kelantan melalui pelbagai agensi kepada rakyat. Walaupun sebelum ini kerajaan negeri tidak mendapat peruntukan yang secukupnya daripada kerajaan Persekutuan dan tidak mendapat bayaran royalti yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat Kelantan, nikmat keberkatan amat dirasai.

Terdapat lebih 30 jenis skim bantuan yang disediakan oleh kerajaan negeri Kelantan. Skim-skim bantuan sama ada kewangan, barangan atau peralatan yang disediakan ini meliputi pendidikan, perumahan, keusahawanan, perkahwinan, pertanian dan penternakan, dan bantuan-bantuan kebajikan mengikut golongan sasaran. Sebahagian besar daripada skim bantuan yang dinyatakan dibawah disalurkan secara langsung agensi dibawah kerajaan dan juga GLC kepada rakyat.

NO	BANTUAN	KETERANGAN	AGENSI
1	Skim Manfaat Armalah (SMA)	Bantuan kepada armalah/ibu tunggal miskin yang kematian suami	Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita
2	Skim Khairat Armalah (SKA)	Bantuan kepada wasi/waris armalah setelah meninggal dunia	
3	Skim Anak Yatim (SPY)	Bantuan pendidikan kepada anak yatim/ anak armalah	
4	Bantuan Orang Kurang Upaya (Ma'aruf)	Bantuan kepada OKU dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria	
5	Skim Rahmah	Caruman Skim Takaful Rahmah kepada OKU terlantar yang berusia bawah 60 tahun	
6	Tabung Usahawan Wanita	Bantuan alatan perniagaan kepada usahawan kecil wanita terpilih yang ingin memulakan/meningkatkan perniagaan	
7	Bantuan Orang Miskin (Al-Hasanah)	Bantuan orang miskin yang disalurkan melalui JKM kepada setiap DUN	
8	Bantuan Kelompok	Bantuan kepada projek ekonomi yang diusahakan secara berkumpulan oleh	Jabatan Kebajikan

		OKU atau orang miskin atau ibu tunggal	Masyarakat Negeri Kelantan	
9	Bantuan Am (Al-Musa'adah)	Diberikan kepada keluarga miskin		
10	Bantuan Sekolah / Pendidikan	Bantuan kepada anak yang masuk ke Universiti atau menampung kos peperiksaan diberikan kepada anak klien		
11	Bantuan Bencana Alam (Pemulihan)	Bantuan berbentuk pemulihan infrastruktur kepada mangsa yang menerima musibah		
12	Bantuan Bencana Alam (Bekalan)	Bantuan berbentuk barangan kepada mangsa yang menerima musibah		
13	Bantuan Peralatan Oku	Bantuan berbentuk peralatan kepada klien OKU JKM yang memerlukan		
14	Projek Jaya Diri (Tijaarah)	Bantuan kewangan kepada kumpulan sasar jabatan yang mempunyai minat dan potensi untuk maju bagi menceburi bidang perusahaan atau perniagaan kecil		
15	Bantuan Sakit Kronik	Bantuan kepada pesakit kronik		Jawatankuasa Kesihatan, Perumahan, Alam Sekitar & Kerajaan Tempatan
16	Skim Gerbang Az-Ziwaj	Insentif perkahwinan kepada mereka yang berpendapatan rendah mendirikan rumah tangga		Jawatankuasa Belia, Sukan & NGO
17	Bantuan Beras Al-It'am	Bantuan beras kepada orang miskin setiap DUN		Jawatankuasa Pertanian, Industri
18	Program Usahawan Berdikari	Pelbagai skim usahawan yang menggabungkan 5 program pembangunan		Asas Tani, Bioteknologi

		usahawan iaitu Gerakan Berdikari Rakyat Kelantan, Galakan Usahawan, Skim Bina Usahawan, Program Pembangunan Kemahiran Usahawan dan Galakan Perdagangan	Dan Teknologi Hijau
19	Bantuan Pertanian/Penternakan	Bantuan kepada rakyat negeri Kelantan yang terlibat dengan pertanian dan penternakan	
20	Bantuan Pendidikan	Sumbangan untuk pelajar yang menyambung pelajaran ke IPTA/IPTS di peringkat Diploma & Ijazah.	Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan Dan Pengajian Tinggi
21	Bantuan Pra-Sekolah	Peruntukan untuk pendidikan awal kanak-kanak	
22	Bantuan Pinjaman Pendidikan	Pinjaman pendidikan bagi yang berkelayakan untuk melanjutkan pengajian di IPT mengikut kadar pinjaman tertentu	Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN)
23	Skim Pembiayaan Biasiswa	Pembiayaan pendidikan kepada pelajar yang layak tetapi tidak berkemampuan untuk mengikuti pengajian Sekolah Rendah dan Menengah serta di IPTA/IPTS	
24	Bantuan Pakaian Sekolah	Bantuan pakaian sekolah bagi menyara anak yang bersekolah rendah/menengah	
25	Bantuan MAIK	Bantuan pelbagai bagi membantu golongan asnaf/dhaif	Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK)
26	Bantuan Rumah MAIK	Bantuan rumah kepada golongan miskin/ dhaif yang terpilih	
27	Bantuan Rumah Dhuafat	Bantuan rumah kepada orang miskin di setiap DUN	Pejabat Pembangunan

			Negeri
28	Bantuan Kebajikan Khas BBC	Bantuan umum kepada golongan rakyat yang memerlukan	BBC
29	Skim Perlindungan Kifaalah	Skim perlindungan insurans untuk rakyat Kelantan yang akan dimanfaatkan oleh si mati (peserta)/ waris sekiranya peserta meninggal dunia	Perbadanan Menteri Besar Kelantan
30	Tabung Amanah Tok Kenali	Membantu rakyat yang cemerlang melanjutkan pelajaran.	Yayasan Amanah Tok Kenali
31	Bantuan Bencana TSM	Bantuan segera untuk miskin & yang ditimpa musibah/ bencana	Pejabat Tanah Dan Jajahan
32	Program Ladang Rakyat	Bantuan bagi golongan berpendapatan rendah melalui sektor perladangan	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat
33	Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat	Meliputi pelbagai jenis sumbangan dari sumber korporat bagi memenuhi keperluan masyarakat	Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri & PBT

125 INISIATIF KHAS KEBAJIKAN

Manakala berikut adalah 125 Inisiatif Dan Program yang telah dijalankan oleh UKekWa dalam tempoh 2013 sehingga 2020:

1. Pelaksanaan Cuti Ihdad
2. Pelancaran Skuat Kita Cakna (SKC) DUN
3. Penggubalan Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan
4. Penerbitan Buku Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan

5. Program Kolokium Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan
6. Perbincangan Meja Bulat Bersama NGO-NGO
7. Program Induksi Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan
8. Penjenamaan Skim Kebajikan Negeri dan Penambahan Bajet Kebajikan
9. Pembentukan Jawatankuasa Induk Agensi Pelaksana Kebajikan Negeri
10. Bengkel Penyelarasan Agensi Kebajikan
11. Seminar Amalan Baik Pengurusan Kebajikan Tiga (3) Negeri (Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan)
12. Lawatan dan Kunjung Hormat ke Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan
13. Penerbitan Buku Kelantan Cakna Kebajikan
14. Ramah Mesra Bersama Tengku Puan Temenggong Kelantan
15. Majlis Ifthar Penggerak Kebajikan
16. Perjanjian Persefahaman (MOU) Kerajaan Kelantan dengan UMK & USM
17. Agihan Sumbangan Covid19
18. Taklimat Bantuan PENJANA OKU oleh JKM
19. Taklimat Khas Kebajikan & Perlindungan PERKESO
20. Yayasan Kebajikan Negeri Kelantan
21. Pelantikan Penyelaras Pembangunan OKU Negeri (PPON)
22. Skim Bantuan Maaruf OKU
23. Skim Bantuan Peralatan OKU
24. Majlis Berbuka Puasa Mahabbah Ramadhan OKU Bersama Kerajaan Negeri
25. Bengkel Pemantapan Ibadah OKU dan Jati Diri

26. Pelancaran Skim Takaful Rahmah (OKU Terlantar)
27. Skim Takaful Rahmah
28. Kuliah Bulanan OKU
29. Skuad Kita Cakna Ziarah OKU Terlantar
30. Program Usrah OKU
31. Program Qiamullail OKU
32. Khidmat Penterjemah Bahasa Isyarat dalam setiap program Kerajaan Negeri
33. Membuka perkhidmatan refleksologi atau mengurut berbayar dalam program Kerajaan Negeri
34. Sambutan Hari OKU dan Penganugerahan Tokoh OKU
35. Program "Rasulullah Gilap OKU"
36. Seminar Politik OKU (Berkaitan OKU Celik Politik)
37. Seminar Perundangan OKU (Berkaitan hak dan undang-undang OKU)
38. Menetapkan sasaran OKU dalam penggubalan Dasar Berkeadilan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan melalui Induksi Dasar Berkeadilan
39. Membuka gerai jualan dan booth jualan dan pameran OKU dalam program Kerajaan Negeri
40. Menetapkan garis panduan dan kemudahan Mesra OKU di semua jabatan dan agensi kerajaan
41. Penubuhan Majlis Penasihat OKU Negeri
42. Sumbangan peralatan OKU dan Mujam Al-Quran Braille kepada NGO OKU
43. Kelas Al-Quran Braille
44. Tazkirah dan Penerangan Agama mengenai OKU di Masjid
45. Taklimat dan Penerangan Gagasan OKU Muqarrabun serta ziarah peringkat DUN

46. Lawatan Kerja Sambil Belajar OKU & Kunjung Hormat
47. Pengwujudan Kaunter Perkhidmatan OKU di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kota Bharu
48. Penubuhan Pusat Latihan Wanita, OKU dan Armalah di Bazar Buluh Kubu, Kota Bharu
49. Pelaksanaan Gagasan OKU Muqarrabun
50. Penyediaan Silibus Pembelajaran OKU Muqarrabun
51. Ramah Mesra Aidilfitri OKU Bersama Kerajaan Negeri
52. Program Dhuha bersama Anak Syurga
53. Program Modifikasi Khas Kerusi Roda dengan kerjasama USM-RICD
54. Program OKU Berdoa
55. Persidangan OKU Muqarrabun
56. Program Mahabbah Ramadhan OKU Kelantan Selatan
57. Program Menggapai Keberkatan Bersama OKU Muqarrabun & Sumbangan Raya
58. Bengkel KPO Pemantapan Kelestarian Daya Juang OKU
59. Pelantikan Penyelaras OKU Parlimen
60. Projek Tabung Infaq Beras kepada OKU
61. Penubuhan Pusat Aktiviti OKU di Bazar Tok Guru
62. Kelas Fardhu Ain OKU
63. Penubuhan Tabung OKU Muqarabun
64. Projek Pertanian OKU Tani
65. Baitul Muqarabun
66. Slot OKU@KelantanTV
67. Pelantikan Penyelaras Pembangunan Armalah DUN (PPAD)
68. Kuliah Bulanan Wanita Khas Armalah
69. Kursus Keusahawanan Armalah
70. Kem Kepimpinan Anak Yatim (Membina Generasi Al-Fateh)

71. Kem Remaja Bestari
72. Majlis Keraian Berbuka Puasa Anak Yatim
73. Penubuhan NGO Pertubuhan Armalah Negeri
74. Kursus Pengurusan Organisasi PPAD
75. Lawatan Siahah PPAD ke Krabi, Thailand
76. Program Kembali ke Sekolah (Anak Yatim)
77. Program Kembara Ilmu Anak Yatim
78. Program Kembara Armalah
79. Program Konvensyen Armalah (bermula 2010)
80. Program Jahit Kasih Anak Yatim
81. Kenaikan Elaun Penyelaras Pembangunan Armalah DUN
(Kenaikan RM300 dari RM600 (2015) kepada RM900 (2017))
82. Kenaikan Peruntukan Bantuan Armalah dan Anak Yatim 2013-2015
= RM4.5Juta (33.33%) 2016 = RM5Juta (kenaikan sebanyak
RM500,000) 2017 = RM6Juta (kenaikan sebanyak RM1Juta)
83. Program Agihan Al-Quran Tafsir untuk anak yatim
84. Kembara Beliawanis
85. Taklimat Local Maid
86. Program Hi-Tea Kelab Armalah
87. Kursus SISPRO PPAD
88. Program Digital Marketing Usahawan Sosial (Ikan Bekok) dengan
kerjasama InsPeK UMK
89. Hari Keluarga PPAD
90. Taklimat Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT)
91. Penubuhan Majlis Sukarelawan Rakyat Kelantan (MESRA)
92. Kem MESRA Siri 1 dan 2 (Kursus Asas Sukarelawan)
93. MESRA Monsoon Aktiviti (Program pasca banjir & Gonyoh Gaha)
94. Penglibatan sukarelawan MESRA di Pusat Pemindahan Banjir

95. MESRA Kasih (Program Komuniti menyantuni warga emas, OKU dan miskin)
96. Majlis Keraian Sukarelawan Banjir
97. MESRA Attack (Program komuniti di pasar dan masjid)
98. MESRA Beach Attack (Program komuniti di pantai)
99. Kempen Budaya Sejahtera oleh MESRA (edaran flyers dan billboard)
100. Penubuhan Pasukan Radio Amatur MESRA
101. Misi kemanusiaan Bantuan Banjir ke Nakhon Sitammarat, Thailand
102. Lawatan Kerja Exco dan MESRA Kasih di Rumah Seri Kenangan
103. Program MESRA Bersama Orang Asli di Pos Tohoi
104. Projek Derma Darah oleh MESRA
105. Program Mesra Kasih "Home Modification" Peringkat Parlimen
106. Misi Rawat Kuala Koh 3.0 oleh MESRA bersama NGO
107. Pendaftaran NGO MESRA 14 Parlimen
108. Kursus Kesiapsiagaan Pengurusan Bantuan Bencana
109. Pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negeri dan Parlimen dan DUN
110. Program Wakaf Katil
111. Taklimat Jawatankuasa Khairat Bantuan Banjir DUN (kepada petugas banjir DUN)
112. Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Khairat Banjir
113. Penubuhan Pusat Latihan dan Pendidikan Bencana (PIB)
114. Penubuhan Jawatankuasa Tadahan Rahmat (Pembasmian Kemiskinan)
115. Kenaikan Peruntukan Skwad Kita Cakna (2014-2017 kenaikan 56% menjadikan jumlah terkini RM2.634 Juta)

- 116. Kenaikan Peruntukan Bantuan Am (Musa'adah) (Kenaikan dari RM90 (2013) kepada RM120 (2015), RM150 (2018) dan RM250 (2020)
- 117. Program Mahabbah Penerima Bantuan Am
- 118. Program Dapur Dhuafat (Pemberian Hamper barangan dapur kepada golongan miskin)
- 119. Pertandingan Video Skuad Kita Cakna DUN
- 120. Himpunan SKC Peringkat Negeri
- 121. Pelancaran Logo Skuad Kita Cakna
- 122. Hari Kebajikan Parlimen
- 123. Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kemiskinan Berimpak Lestari bersama UMK
- 124. Penubuhan SKC Mukim
- 125. Dapur Rakyat (Food Bank)

PRASARANA KEBAJIKAN

Selain itu, terdapat 6 buah Pusat Kebajikan yang ada di Negeri Kelantan sebagai kemudahan bersama iaitu:

1. Pusat Latihan Wanita OKU & Armalah
2. Pusat Aktiviti OKU Negeri Kelantan
3. Jabatan Kebajikan Masyarakat
4. Rumah Ronald McDonald HUSM
5. Pusat Transformasi OKU
6. Darul Auni

14 PROGRAM BARU

Antara projek dan program yang akan dilaksanakan seperti di bawah:

- i) Majlis Amal Kebajikan Negeri Kelantan
- ii) Jawatankuasa Pengurusan Anak Yatim
- iii) Pelan Tindakan Pembangunan Armalah
- iv) Agenda Komuniti Berkebajikan
- v) Hari Kebajikan (peringkat Parlimen & DUN)
- vi) Baitul Muqarrabun
- vii) Sistem Sepadu Pengurusan Kebajikan
- viii) Perkampungan OKU Muqarrabun
- ix) Penubuhan Skwad Kita Cakna Remaja, Cilik dan Desa
- x) Dapur Rakyat Negeri Kelantan
- xi) Semakan Enakmen Keluarga Islam Kelantan
- xii) Sistem e wali dalam keluarga
- xiii) Menjalinkan kerjasama/sinergi dengan pemegang taruh
- xiv) Meneliti segala polisi dan program yang menyentuh kepentingan masyarakat bagi memastikan penguatkuasaan dan perlaksanaan agenda berkebajikan dikalangan rakyat.

Sistem kehidupan di dunia adalah kehidupan yang saling membantu dan saling melengkapi. Islam sebagai agama yang bersifat syumul dan sempurna mempunyai pendekatannya yang tersendiri dalam menyusun umat manusia bermasyarakat dan bernegara. Matlamat utama Islam itu sendiri ialah untuk mewujudkan hadharah manusia yang cemerlang, progresif dan sejahtera.

PENUTUP

Usaha dan pelaksanaan kerja kebajikan makin mencabar dan sentiasa memerlukan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Ia perlu selari dengan perkembangan teknologi dan perkembangan terkini. Ia juga memerlukan satu perancangan dan kerjasama sepadu dari semua pihak. Ini kerana sasaran yang dibantu sentiasa berubah dan akan bertambah jika tidak direncana dengan baik. Pengurusan pasukan yang berbeza dalam jangka waktu yang singkat ketika kecemasan yang kian kerap terjadi dengan SOP yang berbeza.

Kesan jangka panjang kerja kebajikan akan membentuk budaya dan jati diri masyarakat. Pembinaan projek dan prasarana kebajikan di semua lokasi dan premis awam memerlukan kos yang tinggi dan perancangan teliti. Infrastruktur ini akan membantu meningkatkan mutu khidmat kebajikan secara efektif kepada masyarakat. Bagi perancangan masa depan, kerajaan negeri Kelantan telah merangka Pelan Tindakan Pengurusan Kebajikan.

Kesemua perancangan di atas hanya akan menjadi kenyataan sekiranya semua pihak menggembeng tenaga dan usaha bagi mencapai apa yang telah digariskan. Apa yang penting konsep, falsafah dan pelaksanaan kebajikan akhirnya akan menjadi usaha untuk memelihara hak dan berkongsi tanggungjawab antara kerajaan dengan rakyat secara adil dalam menyebarkan kebaikan dan kebajikan ke arah melahirkan masyarakat yang sejahtera di dunia dan di akhirat.

Semoga Agenda Merakyatkan Membangun Bersama Islam akan diperluas melangkau sempadan negeri Kelantan agar hasilnya dapat

dinikmati bersama oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa.

Diskusi dan perbincangan ilmiah serta amalan baik akan terus disuburkan untuk mendapat maklumat, data dan dapatan terkini dari semua pihak. Segala resolusi dari webinar dan persidangan maya ini akan diteliti satu persatu untuk tindakan susulan oleh pihak yang bertanggungjawab.

Semoga Allah swt membalas jasa dan budi semua pihak yang telah bertungkus lumus menjayakan semua agenda berkebajikan di Kelantan pada setiap masa. Semoga ia menjadi jariah pahala yang berkekalan. Aamiin.

Siiru ala barakatiLLah.

Mumtaz Md Nawi

17 Oktober 2020

29 Safar 1442H

Kota Bharu, Kelantan

Rujukan:

1. Dasar Berkeadilan & Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan, Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
2. Kelantan Cakna Kebajikan, Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
3. Keadilan Sosial Dalam Islam, Prof. Dr. Hamka
4. Jaminan Sosial Berdasarkan Undang-Undang Al-Quran, Abdullah Al-Qari B. Hj. Salleh
5. Keadilan Sosial Dalam Islam, Sayyid Qutb
6. Usul Al-'amal Al-Khairi Fil Islam, Sheikh Yusuf Al-Qaradhawi
7. Bila YB Berbicara Parlimen Islam, Fathi Yakan
8. Social And Moral Code Of Islam, Dr. Muhammad Sharif Chaudry
9. Kelantan Negeri Berkeadilan Dalam Konteks Merakyat Membangun Bersama Islam, Nurhafilah Musa, Fakulti Undang-undang UKM, Mumtaz Md Naw, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Keluarga dan Pembangunan Wanita

Lampiran

SENARAI PERSIDANGAN MAYA: INISIATIF KEBAJIKAN SOSIAL

Skop Pembentangan : Pengurusan dan Pembangunan Asnaf

Moderator : Dr. Noorihan bt. Abdul Rahman @ Abdul Rashid (Pensyarah UiTM)

- 1) Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail
Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), UMK
Pengurusan Kemiskinan

- 2) Ustaz Mohamad Azmi bin Zakaria
Pegawai Agihan Zakat, Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK)
Peranan Zakat dalam Pengurusan Kemiskinan

- 3) En. Mohd Roshdi Ismail
Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri
Pengurusan Kemiskinan Negeri Kelantan

- 4) Haji Jamuliddin Elias
Timbalan Presiden Yayasan Amal Malaysia
Perkongsian Pengalaman dalam Pengurusan Kemiskinan

- 5) Pn. Rosfatihah binti Che Mat
Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (UiTM)

Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Pembangunan Wanita Kelantan

Skop Pembentangan : Pengurusan & Pembangunan Komuniti Warga Emas

Moderator : Dr. Sakinah bt. Mat Zin (Pensyarah UiTM)

6) Dr. Rusmailani binti Ab Aziz

Ketua Penolong Pengarah Bahagian OKU & Warga Emas Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan

Mendepani Isu dan Cabaran Warga Emas di Malaysia

7) Prof Madya Dr Asrenee Ab Razak

Pakar Perunding Psikiatri, Pusat Pengajian Sains Perubatan, USM
Impak Psikologi Kepada Penjaga Warga Emas

8) Ustaz Haji Hamdan bin Tuan Guru Haji Abdullah

Timbalan Pengerusi merangkap Mudir Madrasah Ar-Rahmaniah Ad- Diniyah

Skop Komuniti Warga Emas Dalam Transformasi Institusi Pengajian Pondok di Malaysia

9) Pn. Siti Aishyah Binti Sulaiman

Ketua Pegawai Operasi Pusat Kecemerlangan Pendidikan Ummah (PACU)

Kepimpinan Negara Islam: Kerangka Model Negara Tua 2030

Skop Pembentangan : Pembangunan Kesukarelawananan Kebajikan Sosial

Moderator : YB Sen. Asmak Husin (Ahli Dewan Negara)

10) En Suhail Mohamed Kamaruddin

Tokoh Belia Negara 2015

Penerima Emas, The Fuke Of Edinburgh International Award,
London

Hiduplah Untuk Berbakti

11) En. Yadual Nilfa Adriyanta

Pengarah Rumah Relawan Jalan Percetakan Negara XI A No. 23

Rawasari – Jakarta Pusat

Pembangunan Kesukarelawananan Praktis di Indonesia

12) Pn. Ilvira Mohd Dasuki

Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan
Wanita / Pengerusi Pertubuhan Majlis Sukarelawan Rakyat
Kelantan (MESRA)

Kerja Kesukarelawananan dalam Merealisasikan Dasar Berkebijakan
& Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan

13) Muhammad Ridhuan Tan Bin Abdullah

Eksekutif Waqaf An-Nur Corporation Berhad, Level 10, Menara
Komtar JBCC, 80000 Johor Bahru, Johor.

Pembangunan Kesukarelawananan melalui Institusi Waqaf

Skop Pembentangan : Pengurusan & Pembangunan Komuniti Anak Yatim

Moderator : Pn. Mazuin binti Mat Halif (Pensyarah UiTM)

14) Datuk Mohamad Bin Haji Abdullah

Mantan Hakim Mahkamah Rayuan, Jabatan Kehakiman Syariah
Malaysia

Pengurusan Kebajikan dan Harta Anak Yatim Mengikut Undang-Undang dan Syariat Islam

15) En. Mohamad Faizal bin Anuar

Ketua Penolong Pengarah JKM Negeri Kelantan
Pengurusan Geran Pertubuhan Sukarela Kebajikan

16) Dato' Dr Abdul Razak Kechik

Pengerusi Yayasan Kebajikan Anak Yatim Kelantan (YAATIM)
Pendidikan & Pengurusan Anak Yatim

Skop Pembentangan : Pengurusan dan Pembangunan OKU

Moderator : Dr. Nor Halida Haziaton Mohd Noor (Pensyarah UiTM)

17) En Mohammad Faizal Che Yusof

Yang Dipertua Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam
Malaysia (PERTIS) merangkap Ahli Majlis Penasihat OKU Negeri
Kelantan (MPON)

Pegawai Khas Timbalan Menteri (Hal Ehwal OKU)

Kelantan Mara Memperkasa Gagasan OKU Muqarabun

18) Dr. Haji Norakyairee Mohd Raus

Pengarah Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI),
USIM Model Pendidikan Al-Quran dan Ibadah bagi OKU
Inisiatif Pembangunan OKU

19) Dr. Mohd Zulkifli bin Abdul Rahim

Ketua Unit Transformasi OKU Pusat Pengajian Sains Kesihatan,
USM
OKU Berdikari : Perkongsian Program Transformasi OKU, USM

20) Prof. Madya Dr. Mohamed Saat bin Ismail

Pengarah Pusat Dialisis Lestari dan Pengerusi Koperasi warga
USM Kel. BHD
Menjadi Majikan buat
OKU- Kelebihan dan Cabaran

21) En. Mohd Zaidi Bin Mohamed Nawi

Pen. Pengarah,
Sektor Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)
Hala Tuju Murid Berkeperluan Khas (MBK) pada Perspektif Sektor
Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan